

Pembentukan Kata Imbuhan Apitan Dalam Laporan Belanjawan 2025 Berdasarkan Prinsip Tataahasa Dewan

The Formation of Affixes in the 2025 Budget Report Based on Prinsip Tatabahasa Dewan

Nor Alia Adina Zahari
¹Harishon Radzi

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: naslin@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 04.10.2025
Revised date: 28.10.2025
Accepted date: 30.10.2025
Published date: 28.11.2025

ABSTRAK

Laporan Belanjawan negara merupakan dokumen rasmi yang penting dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat. Penggunaan bahasa yang teliti dapat membantu pelbagai lapisan masyarakat dalam memahami perancangan kewangan negara. Pengkaji memfokuskan kajian kepada analisis kata terbitan imbuhan apitan dalam Laporan Belanjawan 2025 melalui siaran langsung ucapan pembentangan yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di aplikasi Youtube. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan mengkategorikan kata terbitan imbuhan apitan mengikut golongan kata serta membincangkan fungsi imbuhan apitan berdasarkan Prinsip Tataahasa Dewan Edisi Ketiga (2015). Kajian ini dijalankan melalui kaedah analisis kandungan kualitatif dengan meneliti rakaman ucapan dan mentranskripsi ucapan pada minit ke 8 hingga 35. Kemudian, proses pengumpulan data dilakukan dan pengkaji mengkategorikan imbuhan apitan kepada beberapa kelas golongan kata serta membincangkan data berdasarkan Prinsip Tataahasa Dewan Edisi Ketiga (2015). Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan imbuhan apitan yang memainkan peranan penting dalam menjelaskan konsep ekonomi dan dasar kerajaan secara tepat dan formal. Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa imbuhan apitan yang digunakan dapat menyumbang kepada kejelasan dan ketepatan bahasa yang digunakan.

Kata Kunci: *Imbuhan apitan, Laporan Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Youtube, Tataahasa Dewan*

ABSTRACT

The national Budget Report is an important official document that conveys information clearly and accurately. The careful use of language helps various segments of society understand the country's financial planning. This study focuses on the analysis of derived words with affixation

(prefix-suffix) in the 2025 Budget Report, through the live broadcast of the presentation delivered by the Prime Minister of Malaysia, who also serves as the Minister of Finance, on the Youtube platform. The objective of this study is to identify and categorize derived words with affixation according to word classes and to discuss the functions of such affixes based on the Principles of Tatabahasa Dewan Third Edition (2015). This research employs a qualitative content analysis method by examining the speech recording and transcribing the content from minute 8 to minute 35. The data were then collected and classified into several word classes, and the discussion was carried out according to the Principles of Tatabahasa Dewan Third Edition (2015). The findings show that affixation plays a significant role in conveying economic concepts and government policies in a precise and formal manner. In conclusion, this study suggests that the use of affixation contributes to the clarity and accuracy of the language used.

Keywords: affixation, 2025 budget report, Prime Minister, Youtube, Tatabahasa Dewan

1. Pengenalan

Laporan Belanjawan merupakan dokumen penting yang disediakan oleh kerajaan untuk membentangkan unjuran ekonomi, dasar fiskal dan peruntukan kewangan negara. Di Malaysia, Laporan Belanjawan akan dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di Parlimen Malaysia dan menjadi asas bagi pengurusan kewangan negara sepanjang tahun. Beberapa aspek penting seperti peningkatan kos sara hidup dan pemulihan ekonomi diberi penekanan dalam Laporan Belanjawan. Selain itu, rancangan strategi fiskal bagi mengurangkan defisit bajet melalui langkah - langkah peningkatan hasil dan pengurusan perbelanjaan yang cekap juga turut digariskan dalam Laporan Belanjawan.

Dalam Laporan Belanjawan ini, penggunaan bahasa yang tepat dan berkesan memainkan peranan utama untuk memastikan keberkesanan penyampaian maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat seperti dalam kalangan pemimpin, ahli politik dan rakyat umum.

Menurut Abdullah Hassan (2006), proses morfologi ialah salah satu proses yang berlaku dalam bahasa Melayu seperti menghasilkan kata-kata terbitan. Proses morfologi berlaku terhadap dua unsur morfologi iaitu morfem dan kata untuk menerbitkan perkataan baharu. Salah satu proses morfologi yang berlaku dalam bahasa Melayu ialah pengimbuhan. Pengimbuhan merupakan satu proses menerbitkan perkataan dengan mencantumkan satu atau lebih imbuhan kepada sesuatu bentuk dasar. Imbuhan apitan menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata dasar misalnya /ke-...-an/ dalam perkataan [kedudukan] yang terdiri daripada kata dasar [duduk] dan /pe-...-an/ dalam perkataan [pedalaman] yang terdiri daripada kata dasar [dalam] (bahasa Melayu).

Laporan Belanjawan merupakan teks formal yang kaya dengan pembentukan kata bersifat kompleks dan mampu menjadi sumber penting untuk melakukan analisis seperti aspek morfologi berdasarkan *Prinsip Tatabahasa Dewan* (2015). Sehubungan dengan itu, penelitian yang akan dilakukan melalui aspek pembentukan kata bagi imbuhan apitan dalam Laporan Belanjawan ini bertujuan untuk melihat penggunaan bahasa Melayu yang betul sebagai rujukan rasmi. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan dalam mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti dan mengkategorikan imbuhan apitan mengikut golongan kata dan membincangkan fungsi imbuhan apitan berdasarkan *Prinsip Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) bagi konteks penyampaian maklumat yang kompleks dalam laporan kewangan negara.

2. Tinjauan Literatur

Kajian terdahulu yang dilakukan telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pengkaji sebagai sumber rujukan dan asas kepada penghasilan idea baharu dalam bidang kajian yang dilakukan. Tambahan pula, kajian-kajian lepas juga telah membantu pengkaji dalam memahami bagaimana kajian ini ingin dilaksanakan. Diharapkan bahawa kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

2.1 Laporan Belanjawan

Kajian oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) bertajuk Bahasa dalam Realiti Kehidupan dan Realiti dalam Bahasa meneliti tentang cara bahasa mengungkapkan realiti kehidupan berdasarkan analisis semantik dalam laporan media berkaitan Bajet 2018. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks dengan berpandukan Teori Semantik Umum Korzybski iaitu model pembezaan struktur versi mudah. Elemen analisis yang dikaji adalah acara, objek, penerangan, masa & ruang dan inferens. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa mencerminkan pengalaman manusia melalui persepsi deria dan kognisi. Frasa seperti [terasa terhimpit] merujuk kepada kos kehidupan manakala ungkapan [bajet kali ini dilihat tepat pada masanya] menggambarkan tentang kestabilan ekonomi. Kajian ini menekankan bahawa bahasa harus bersifat saintifik dan objektif juga berfungsi sebagai alat ekspresi subjektif. Dalam bajet 2018, frasa seperti [ekonomi tengah tak sedap] dan [bajet inklusif] menunjukkan bagaimana bahasa mencerminkan realiti melalui entiti, rujukan dan persepsi dalam konteks ruang dan masa. Jelas dilihat bahawa kajian ini menunjukkan perbincangan aspek linguistik iaitu semantik berkaitan dengan makna ungkapan sebenar di sebalik penyampaian yang disampaikan dalam bajet 2018.

Kajian seterusnya oleh Muhammad Faizul Abd Hamid, Muhammad Alif Redzuan Abdullah dan Mohd Azidan Abd Jabar (2019) meneliti kepada Unsur Penanda Wacana dalam Teks Ucapan Belanjawan 2019 berdasarkan Teori Nahu Fungsianl oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Kajian kualitatif ini menganalisis teks secara manual dan mendapati bahawa penanda wacana penghubung penambahan, adverba tujuan dan adverba manfaat adalah yang paling dominan digunakan. Contohnya, penghubung [selain itu] dan [namun] digunakan untuk menambah maklumat. Manakala bagi penggunaan kata sendi nama pula hanya menumpukan kepada aspek kohesi tekstual tanpa mempertimbangkan strategi pengayaan kosa kata melalui pembentukan kata yang dapat meningkatkan kejelasan mesej dalam teks rasmi.

Kajian oleh Muhammad Faizul Abd Hamid dan Mohd Azidan Abd Jabar (2020) pula memberi penelitian terhadap Pola Susunan Maklumat Teks Ucapan Belanjawan Malaysia 2019 dengan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan Teori Pergerakan Tematik oleh Danes (1974). Proses analisis tersebut akan melalui enam peringkat termasuk pemilihan data, pengekodan, pengenalpastian pola dan penerapan teori. Empat pola tematik dikenal pasti iaitu tema linear, tema kekal, tema daripada hipertema dan tema daripada perincian pecahan rema. Dapatan kajian menunjukkan pola linear paling dominan dan berfungsi sebagai asas pergerakan maklumat manakala pola tema kekal membantu mengekalkan hala tuju perbincangan. Oleh itu, kajian ini hanya menyimpulkan tentang teks belanjawan yang disusun secara sistemik dan logik untuk penyampaian mesej yang jelas.

2.2 Morfologi

Kajian oleh Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan, dan Ahmad Nazeer Zainal Arifin (2017) bertajuk Analisis Morfologi dalam Syair Perahu meneliti aspek morfologi dalam karya Hamzah Fansuri dengan fokus kepada bentuk kata, golongan kata, dan struktur kata. Kajian ini mengkategorikan kata berdasarkan kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk. Dalam aspek golongan kata, analisis merangkumi Kata Nama (KN), Kata Kerja (KK), Kata Adjektif (KA), dan Kata Tugas (KT), termasuk juga kata pinjaman dan istilah al-Quran. Contoh kata terbitan bagi imbuhan awalan KN ialah [pengayuh], [permata], dan [perbaik] manakala bagi KK ialah [berpindah], [berlabuh], dan [berlayar]. Imbuhan akhiran pula melibatkan akhiran aktif /-an/ dan /-kan/ seperti hasilkan dan pakaikan, serta akhiran pasif /-i / seperti [ingati]. Sementara itu, imbuhan apitan dalam KN merangkumi kata seperti [pergantungan] dan [pertemuan] manakala bagi KK pula seperti [perbaiki]. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kata terbitan yang jelas dan tepat dapat memperkukuh mesej yang disampaikan serta memudahkan pemahaman pembaca terhadap teks. Walaupun kajian ini tertumpu kepada syair klasik, pendekatan analisis morfologi yang digunakan boleh diaplikasikan dalam konteks teks lain, termasuk Laporan Belanjawan bagi memahami bagaimana pembentukan kata terbitan berfungsi dalam penyampaian maklumat secara efektif.

Kajian seterusnya oleh Faridah binti Nazir (2022) bertajuk Perbandingan Aspek Morfologi dalam Hikayat Melayu Klasik dan Novel Melayu Moden. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek morfologi seperti imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, bentuk fleksi, kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif, pengkaji mengkaji kedua-dua teks untuk mengenal pasti ciri morfologi berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015). Dapatan kajian menunjukkan bahawa Hikayat Malim Dewan lebih kompleks dengan penggunaan kata pangkal ayat kuno, laras istana, kata penegas seperti /pun/ dan /lah/, perkataan berunsur Arab, serta variasi imbuhan. Penggunaan imbuhan dalam teks klasik juga tidak konsisten dengan sistem morfologi moden. Sebagai contoh, frasa tidak tersabarkan lagi menunjukkan gabungan imbuhan /ter-/ dan /-kan/ yang tidak sesuai. Sebaliknya, novel Ombak Rindu memperlihatkan struktur morfologi yang lebih moden dan sistematik. Imbuhan awalan melibatkan kata nama (KN) seperti [pelukis], kata kerja (KK) seperti [merenung], dan kata adjektif (KA) seperti [seimbang]. Imbuhan akhiran pula terdiri daripada KK seperti tinggalkan /-kan/ dan dengari /-i/. Imbuhan apitan melibatkan KN seperti [pembohonan] dan KK seperti [menafikan]. Kajian ini menyimpulkan bahawa kedua-dua teks berkongsi beberapa ciri morfologi seperti imbuhan awalan, apitan dan akhiran, kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk, kata ganda, kata penegas, kata tunjuk, kata hubung dan kata bantu. Namun, Hikayat Malim Dewan menggunakan imbuhan lebih meluas dan tidak berstruktur seperti teks moden. Selain itu, sisipan yang terdapat dalam novel Ombak Rindu tidak ditemui dalam teks klasik. Kajian ini berjaya mengenal pasti persamaan dan perbezaan aspek morfologi dalam kedua-dua teks, tetapi tidak memberi tumpuan kepada keberkesanan penyampaian mesej melalui penggunaan imbuhan tersebut.

3. Metodologi Kajian

Bahagian ini akan memberi penjelasan mengenai data kajian, tatacara pengumpulan data, kaedah kepustakaan, kaedah atas talian dan analisis data.

3.1 Data Kajian

Sumber data kajian ini akan meneliti kepada ucapan pembentangan Laporan Belanjawan 2025 yang dibentangkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Ucapan pembentangan ini diperolehi melalui platform digital *Youtube* rasmi kerajaan iaitu Parlimen Malaysia pada 18 Oktober 2024, jam 4:00 petang. Siaran langsung pembentangan tersebut berdurasi selama 2 jam 35 minit. Pengkaji juga akan meneliti sumber data kajian berbentuk teks melalui teks Ucapan Belanjawan 2025.

RAJAH 1: Rakaman Siaran Langsung Pembentangan Laporan Belanjawan 2025
Oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim

<https://www.youtube.com/live/IRFukOJpKsS?feature=shared>



Show chat replay

LANGSUNG: Persidangan Dewan Rakyat | Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga | Belanjawan 2025



PARLIMEN MAL...
109K subscribers

Subscribe

1.4K



Share



RAJAH 2: Teks Ucapan Belanjawan 2025

<https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/ub25.pdf>



3.2 Tatabahasa Pengumpulan Data

Pengumpulan data dimulakan dengan pendengaran secara keseluruhan terhadap ucapan pembentangan dan seterusnya pengkaji mentranskripsikan ucapan pembentangan tersebut secara teliti berdasarkan durasi masa yang dipilih iaitu daripada minit ke-8 sehingga minit ke-36. Transkripsi yang dilakukan adalah berdasarkan format verbatim iaitu dengan mencatatkan setiap ujaran secara tepat tanpa mengubah struktur ayat atau bentuk kata supaya keaslian data dapat dikekalkan.

Kaedah kepustakaan digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh definisi, fakta dan garis panduan berkaitan dengan kajian melalui rujukan buku, jurnal dan sumber perpustakaan. Pendekatan ini dapat membantu pengkaji untuk memahami istilah seperti morfologi dan pembentukan kata. Selain itu, kaedah ini juga dapat memperkukuh kredibiliti kajian melalui sokongan teori dan pendapat tokoh terdahulu.

Pengkaji juga menggunakan kaedah atas talian untuk memperoleh data dan maklumat terkini berkaitan Laporan Belanjawan 2025 secara sistematik. Selain itu, kaedah atas talian juga membantu pengkaji menambah sumber rujukan yang tidak dapat diperoleh secara fizikal.

3.3 Kerangka Tatabahasa Dewan

Tatabahasa Dewan merujuk kepada rujukan tatabahasa rasmi bagi bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Buku *Tatabahasa Dewan* merupakan panduan tatabahasa yang komprehensif dan sistematik yang digunakan untuk menerangkan struktur dan sistem bahasa Melayu baku dari segi morfologi, sintaksis, dan semantik. Buku *Tatabahasa Dewan* pertama kali diterbitkan pada tahun 1986 dan telah melalui beberapa edisi kemas kini untuk memperkukuh aspek-aspek tertentu dalam tatabahasa Melayu. Pengkaji menggunakan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) sebagai kerangka analisis data yang dikaji. Melalui aspek fungsi imbuhan apitan yang diteliti adalah berdasarkan kedudukannya dalam struktur ayat dan peranannya dalam membentuk kata nama, kata kerja, atau kata adjektif. Sebagai contoh, apitan /peN-...-an/ berfungsi membentuk kata nama hasil daripada sesuatu tindakan, seperti dalam kata [penstrukturan] yang merujuk kepada proses menyusun semula sesuatu. Begitu juga dengan apitan /meN-...-i/ yang berfungsi sebagai kata kerja transitif yang memberi kesan langsung kepada objek, contohnya dalam kata [mengawasi], di mana tindakan mengawasi memberi kesan kepada objek yang diawasi. Dalam konteks laporan rasmi seperti Laporan Belanjawan, imbuhan apitan ini digunakan untuk menyampaikan tindakan-tindakan spesifik yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam aspek ekonomi, sosial, dan kewangan.

3.4 Analisis Data

Dalam kajian ini, proses analisis kata terbitan dalam Laporan Belanjawan 2025 dimulakan dengan kaedah pendengaran dan transkripsi ucapan. Langkah pertama melibatkan proses pendengaran keseluruhan rakaman video pembentangan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai struktur, kandungan ucapan dan teknik penyampaian. Fokus utama semasa pendengaran awal adalah untuk mengenal pasti bahagian yang berpotensi mengandungi kata terbitan imbuhan apitan. Seterusnya, proses transkripsi dijalankan secara verbatim, iaitu dengan mencatatkan setiap ujaran secara tepat tanpa sebarang pengubahsuaian terhadap struktur ayat atau bentuk kata. Kaedah ini penting bagi mengekalkan keaslian data dan memastikan ketepatan analisis

kata terbitan yang diucapkan oleh pembentang.

Setelah proses transkripsi selesai, kaedah pemilihan skop minit dilaksanakan bagi menentukan julat masa yang akan dianalisis. Segmen masa yang dipilih ialah antara minit ke-8 hingga minit ke-37, iaitu berdasarkan kepadatan ujaran dan kandungan yang berkaitan dengan kata terbitan imbuhan apitan. Skop minit ini seterusnya dibahagikan kepada lima kategori durasi masa untuk memudahkan proses pengelompokan data, iaitu Kategori 1 (K1) dari minit 8:00 hingga 12:59, Kategori 2 (K2) dari minit 13:00 hingga 17:59, Kategori 3 (K3) dari minit 18:00 hingga 22:59, Kategori 4 (K4) dari minit 23:00 hingga 27:59, dan Kategori 5 (K5) dari minit 28:00 hingga 32:59. Pembahagian ini bukan sahaja memudahkan proses pengelompokan data tetapi juga membantu pengkaji dalam mengenal pasti corak penggunaan kata terbitan dalam setiap segmen masa.

Langkah seterusnya adalah kaedah penjadualan dan pengkategorian data. Dalam kaedah ini, pengkaji menyediakan jadual analisis yang menyenaraikan minit ucapan bagi setiap kategori durasi masa serta mengenal pasti bentuk imbuhan kata terbitan yang terdiri daripada imbuhan apitan. Jadual tersebut dibahagikan kepada beberapa kolum yang mengandungi kod data untuk setiap kategori durasi masa yang dipilih pengkaji. Sebagai contoh, kod "K1:8 APKN (1)" merujuk kepada Kategori 1, minit 8, imbuhan apitan, kata nama, data pertama; manakala kod "K3:21 APKK (4)" merujuk kepada Kategori 3, minit 21, imbuhan apitan, kata kerja, data keempat.

Penggunaan teknik kod ini bertujuan untuk meningkatkan kejelasan data dan memudahkan proses analisis. Dengan kaedah yang sistematik ini, pengkaji dapat mengenal pasti dan menganalisis kata terbitan dengan lebih berkesan, sekaligus memastikan dapatan kajian dapat diperolehi dengan lebih tepat dan terperinci.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dalam bahagian ini pengkaji akan mengenal pasti dan mengkategorikan dapatan imbuhan apitan yang terkandung dalam ucapan pembentangan Laporan Belanjawan 2025 dan membincangkan fungsi imbuhan apitan berdasarkan *Prinsip Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015).

4.1 Pengenalpastian dan Pengkategorian Imbuhan Apitan dalam Laporan Belanjawan 2025

JADUAL 1: Imbuhan Apitan Kata Nama Dalam Laporan Belanjawan 2025

Imbuhan	Kata Nama	Contoh Perkataan
Apitan	/pe-...-an/	pelaburan pengutipan pengorbanan pengurangan penambahan penyasaran peningkatan
	/pem-...-an/	pembangunan pembelajaran

/pen-...-an/	pendapatan pendekatan pendidikan pencerobohan pencapaian
/peng-...-an/	pengurusan
/per-...-an/	pertumbuhan pertimbangan perkembangan perwakilan perbelanjaan perkhidmatan perniagaan perubahan permohonan
/ke-...-an/	keperluan kemiskinan kemajuan kewangan kenaikan kesihatan kedudukan

Jadual 1 di atas menunjukkan data imbuhan apitan kata nama yang terdapat dalam ucapan Laporan Belanjawan 2025. Terdapat enam bentuk apitan yang ditemui dalam laporan belanjawan tersebut. Bentuk apitan /per-...-an/ paling banyak digunakan manakala bentuk apitan yang paling sedikit digunakan ialah /peng-...-an/ dan /pem-...-an/.

JADUAL 2: Imbuhan Apitan Kata Kerja Dalam Laporan Belanjawan 2025

Imbuhan	Kata Kerja	Contoh Perkataan
Apitan	/me-...-kan/	meluluskan meneruskan meredakan meluaskan meningkatkan
	/mem-...-kan/	membebankan membicarakan membolehkan
	/men-...-kan/	mendambakan menjangkakan mencerminkan
	/meng-...-kan/	mengusulkan mengadakan mengumumkan menghadihkan menggambarkan
	/ber-...-an/	berhampiran

/di...-kan/	dihamparkan diluluskan dilaksanakan dimanfaatkan dikirakan dikenakan dilontarkan diungkapkan
/me...-i/	menemui menangani melempi mengenai merangkumi
/di...-i/	dimungkiri dikenali dinikmati
/memper...-kan/	memperkenalkan

Jadual 2 di atas pula menunjukkan data imbuhan apitan kata kerja dalam Laporan Belanjawan 2025. Terdapat sembilan bentuk apitan kata kerja yang digunakan. Bentuk apitan kata kerja yang paling banyak digunakan adalah apitan /di...-kan/ dan yang sedikit digunakan adalah /ber...-an/ dan /memper...-kan/.

4.2 *Perbincangan*

Dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015), apitan yang membentuk kata nama terdiri daripada /peN...-an/, /pe...-an/, /peR...-an/ dan /ke...-an/. Bentuk apitan /peN...-an/ terdiri daripada empat bentuk iaitu /pe...-an/, /pem...-an/, /pen...-an/ dan /penge...-an/. Apitan /peN...-an/ berfungsi untuk membentuk kata nama daripada kata dasar, khususnya kata kerja atau kata adjektif. Imbuhan apitan juga berfungsi untuk membentuk kata kerja transitif dan kata kerja pasif. Apitan kata kerja terdiri daripada /meN...-kan/, /beR...-kan/, /beR...-an/, /di...-kan/, /meN...-I/, /di...-I/, /memper...-kan/, /memper...-i/, /ke...-an/, /diper...-kan/ dan /diper...-i/. Setiap apitan mempunyai fungsi dan makna tertentu bergantung pada jenisnya.

4.2.1 *Fungsi Imbuhan Apitan Dalam Laporan Belanjawan 2025*

Di bahagian ini pengkaji akan membincangkan fungsi imbuhan apitan yang terdapat dalam Laporan Belanjawan 2025 berdasarkan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015). Pengkaji akan meneliti struktur dan fungsi imbuhan apitan bagi mengenal pasti pola pembentukan kata yang dapat mempengaruhi gaya bahasa dan penyampaian maklumat dalam konteks penulisan laporan rasmi.

4.2.1.1 *Fungsi Imbuhan Apitan Kata Nama*

Penggunaan imbuhan apitan kata nama memainkan peranan penting dalam pembentukan kata nama yang berfungsi untuk menyatakan pelbagai konsep berkaitan ekonomi dan kewangan. Bahagian ini akan membincangkan imbuhan apitan yang terkandung dalam Laporan Belanjawan 2025.

(i) /pe...-an/

Apitan /peN-...-an/ berubah menjadi /pe-...-an/ apabila kata dasar perkataan tersebut bermula dengan huruf /m/, /n/, /ŋ/, /r/, /l/, /y/ dan /w/. Melihat kepada contoh data yang dibentangkan iaitu perkataan [pelaburan] terdiri daripada kata dasar [labur]. Kata [labur] merupakan golongan kata kerja yang menunjukkan perbuatan dalam pengeluaran wang bagi sesuatu badan perniagaan untuk memperoleh keuntungan. Contoh ayat dilihat seperti berikut:

K2:19 APKN (56): "... kita berjaya meraih **pelaburan** yang diluluskan 160 billion ringgit melonjak ketimbang 135.6 billion ringgit..."

Dalam ayat tersebut, perkataan [pelaburan] berfungsi sebagai subjek kepada frasa yang diluluskan 160 billion ringgit. Hal ini jelas menunjukkan bahawa maklumat mengenai jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak 160 billion ringgit. Dalam aspek perubahan golongan kata pula, perkataan [pelaburan] berubah menjadi kata nama abstrak yang merujuk kepada aktiviti atau hasil daripada perbuatan melabur daripada golongan kata kerja [labur].

Namun begitu, dalam apitan /pe-...-an/ juga kata dasar yang bermula dari huruf /p/, /t/, /k/ dan /k/ akan digantikan dengan bentuk sengau yang dilafazkan pada tempat yang sama daerah artikulasinya dengan bunyi pertama kata dasar iaitu /m/ bagi /p/, /n/ bagi /t/, /ŋ/ bagi /k/ dan /ŋ/ bagi /s/. Seperti contoh perkataan [penyasaran] yang terdiri daripada kata dasar [sasar]. Kata [sasar] boleh menjadi kata kerja yang bermaksud menetapkan sasaran atau tujuan tertentu. Namun, kata [sasar] juga boleh menjadi kata adjektif yang bermaksud setengah gila atau kurang siuman. Penggunaan kata ini akan bergantung dalam konteks ayat. Contoh ayat:

K4:26 APKN (9): "... reformasi fiskal tahun depan akan lebih agresif mencakup perluasan hasil cukai secara progresif dan **penyasaran** subsidi kepada majoriti rakyat yang memerlukan."

Perkataan [penyasaran] dalam ayat tersebut berfungsi sebagai subjek kepada frasa subsidi kepada majoriti rakyat yang memerlukan. Hal ini menjelaskan bahawa penyasaran subsidi akan diberikan secara lebih terarah kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan. Perubahan golongan kata [penyasaran] menjadi kata nama abstrak yang menunjukkan tindakan atau menetapkan sasaran bagi sesuatu perkara seperti subsidi.

(ii) /pem-...-an/

Apitan /pem-...-an/ digunakan apabila kata dasar bermula dengan huruf /b/, /f/, /v/ dan gugus konsonan yang bermula dengan huruf /p/ dan /b/. Seperti contoh perkataan [pembangunan] terdiri daripada kata dasar [bangun]. Kata [bangun] merupakan golongan kata kerja yang memerlukan tindakan atau proses bangun. Berdasarkan contoh ayat iaitu:

K2:13 APKN (4): "...meninjau kemajuan beberapa projek **pembangunan** termasuk IPD Kapit dan jalan yang telah kita luluskan dan telah mula dikerjakan."

Kata [pembangunan] dalam ayat tersebut berfungsi sebagai objek kepada frasa projek pembangunan yang merujuk kepada usaha membangunkan projek tertentu seperti di IPD Kapit dan jalan. Jadi, kata [pembangunan] merupakan golongan kata

nama abstrak yang merujuk kepada proses peningkatan atau pembinaan sesuatu perkara seperti jalan dalam konteks ayat.

(iii) /pen-...-an/

Apitan /pen-...-an/ digunakan apabila kata dasar bermula dengan huruf /d/, /c/, /j/, /sy/ @ /f/, /z/ dan perkataan pinjaman yang kata dasarnya bermula dengan huruf /t/ dan /s/. Contoh data perkataan yang dilihat ialah [pendapatan] yang terdiri daripada kata dasar [dapat]. Kata [dapat] merujuk kepada kata kerja yang bermaksud memperoleh menerima atau mencapai sesuatu. Contoh dalam konteks ayat iaitu:

K4:26 APKN (51): “Kerajaan juga bercadang meluaskan asas cukai secara progresif dengan memperkenalkan cukai dividen kepada 2% ke atas **pendapatan** dividen melebihi 100 ribu ringgit yang diterima oleh pemegang saham individu...”

Kata [pendapatan] dalam ayat ini menunjukkan fungsi sebagai objek kepada frasa cukai dividen ke atas pendapatan dividen yang merujuk kepada hasil dividen yang dikenakan cukai. Jadi, kata [pendapatan] merupakan kata nama abstrak yang merujuk kepada hasil atau jumlah yang diperoleh daripada sesuatu sumber iaitu pemegang saham individu dalam konteks ayat tersebut.

(iv) /peng-...-an/

Apitan /peng-...-an/ pula digunakan apabila kata dasar bermula dengan huruf /g/, /kh/, /h/ (bunyi konsonan) dan /a/, /e/, /i/, /o/ dan /u/ (bunyi vokal) serta huruf /k/ bagi kata pinjaman. Contoh data perkataan yang dilihat ialah [pengurusan] terdiri daripada kata dasar [urus]. Kata [urus] merujuk kepada kata kerja yang bermaksud mengatur, mengendalikan atau menyusun sesuatu perkara secara teratur dan sistematik. Contoh dalam ayat iaitu:

K2:16 APKN (42): “...kita mesti berhemah dalam perbelanjaan dan memahami keperluan **pengurusan** dan lebih bertanggungjawab.”

Dapat dilihat dalam konteks ayat tersebut, kata [pengurusan] berfungsi sebagai objek kepada frasa memahami keperluan pengurusan yang merujuk kepada proses atau tindakan mengatur perbelanjaan secara berhemah dan bertanggungjawab. Jadi, kata [pengurusan] merujuk kepada kata nama abstrak yang menunjukkan kepada proses atau tindakan mengatur terhadap sesuatu perkara atau organisasi secara teratur dan sistematik.

(v) /per-...-an/

Apitan /per-...-an/ terbentuk apabila bergabung dengan semua kata dasar kecuali kata dasar yang bergabung itu berawalkan huruf /r/ dimana dua huruf /r/ yang bergabung itu akan menjadi satu /r/ melalui proses peleburan. Seperti contoh perkataan [pertimbangan] terdiri daripada kata dasar [timbang] dan perkataan [pertumbuhan] terdiri daripada kata dasar [tumbuh]. Kata [timbang] merupakan golongan kata kerja yang bermaksud menilai, mengukur atau mempertimbangkan sesuatu perkara secara saksama dan bagi kata [tumbuh] juga merupakan golongan kata kerja yang bermaksud berkembang, membesar secara semula jadi. Contoh ayat:

K1:9 APKN (1) “...**pertimbangan** asasi terpasak pada keperluan mengadakan reformasi untuk menjamin pertumbuhan.”

K1:9 APKN (3): “...pertimbangan asasi terpasak pada keperluan mengadakan reformasi untuk menjamin **pertumbuhan**.”

Kata [pertimbangan] itu berfungsi sebagai subjek kepada frasa pertimbangan asasi terpasak pada keperluan yang merujuk kepada tindakan atau proses menilai sesuatu secara mendalam. Bagi konteks makna kata [pertumbuhan] pula berfungsi sebagai objek kepada frasa untuk menjamin pertumbuhan yang merujuk kepada proses peningkatan atau perkembangan yang ingin dicapai melalui reformasi. Hal ini menunjukkan bahawa kata [pertimbangan] dan [pertumbuhan] merupakan golongan kata nama abstrak yang merujuk kepada proses penilaian dan perkembangan terhadap sesuatu perkara.

(vi) /ke-...-an/

Apitan /ke-...-an/ boleh bergabung dengan kata dasar tertentu tanpa melibatkan sebarang perubahan huruf. Seperti contoh perkataan [kedudukan] terdiri daripada kata dasar [duduk]. Kata [duduk] merupakan golongan kata kerja yang bermaksud berada di suatu tempat secara tetap atau mengambil tempat tertentu. Contoh ayat dilihat seperti berikut:

K2:18 APKN (62): “**Kedudukan** ekonomi negara kalis tantangan dan terus mengukuh.”

Dalam contoh ayat tersebut menunjukkan bahawa konteks makna bagi kata [kedudukan] ini berfungsi sebagai subjek kepada frasa kedudukan ekonomi negara yang merujuk kepada keadaan ekonomi negara dalam menghadapi tantangan. Jadi, kata [kedudukan] menjadi golongan kata nama abstrak yang merujuk kepada keadaan, posisi atau status sesuatu perkara seperti ekonomi negara dalam konteks ayat.

4.2.1.2 Fungsi Imbuhan Kata Kerja

Imbuhan kata kerja berfungsi untuk membentuk kata kerja daripada kata dasar serta mengubah makna kata dasar tersebut agar sesuai dengan konteks penggunaan. Bahagian ini akan membincangkan imbuhan apitan yang terkandung dalam Laporan Belanjawan 2025.

(i) /me-...-kan/

Apitan /meN-...-kan/ berubah menjadi apitan /me-...-kan/ apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf /m/, /n/, /p/, /ŋ/, /r/, /l/, /w/, dan /y/. Fungsi apitan /me-...-kan/ di atas adalah untuk membentuk kata kerja transitif yang membawa makna melakukan sesuatu tindakan terhadap objek atau menjadikan sesuatu dalam keadaan tertentu. Contohnya, perkataan [meluluskan] yang terdiri daripada kata dasar [lulus]. Kata [lulus] merupakan golongan kata kerja yang bermaksud berhasil dalam sesuatu usaha atau ikhtiar. Contoh ayat seperti berikut:

K2:15 APKK (18) “...saya setuju untuk **meluluskan** 13 juta ringgit untuk perbaiki infrastruktur...”

Dalam konteks ayat ini, 13 juta ringgit menunjukkan objek kepada kata kerja transitif bagi perkataan [meluluskan] yang dilakukan oleh subjek saya. Hal ini merujuk kepada perbuatan memberikan kelulusan kepada peruntukan kewangan bagi tujuan memperbaiki infrastruktur. Perubahan golongan kata tidak berlaku kerana kata dasar dan kata imbuhan yang berlaku kedua-duanya merupakan golongan kata kerja.

(ii) /mem-...-kan/

Apitan /mem-...kan/ diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf /b/ dan perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf /f/, /p/ dan /v/ serta gugus konsonan yang bermula dengan huruf /b/ dan /p/. Sebagai contoh perkataan [membebankan] terdiri daripada kata dasar [beban]. Kata [beban] merupakan golongan kata nama yang bermaksud menjadikan sesuatu perkara lebih berat atau susah. Contoh ayat:

K3:19 APKK (3): "...kita tidak berganjak dalam usaha meredakan kenaikan kos sara hidup yang **membebankan** rakyat bagi separuh pertama 2024..."

Kata [membebankan] dalam konteks ayat ini berfungsi sebagai kata kerja aktif transitif di bahagian predikat yang menerangkan tindakan kos sara hidup ke atas rakyat. Kos sara hidup tersebut menjadi suatu beban kepada rakyat. Hal ini menunjukkan berlaku perubahan golongan kata daripada kata nama menjadi kata kerja aktif transitif.

(iii) /men-...-kan/

Fungsi apitan /men-...-kan/ ini adalah untuk membentuk kata kerja transitif daripada kata dasar yang bermula dengan /c/, /d/, /j/, /f/ dan /z/ serta perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf /t/ dan /s/. Contoh perkataan [menjangkakan] yang terdiri daripada perkataan [jangka]. Kata [jangka] merupakan golongan kata nama yang membawa makna anggaran atau tempoh masa tertentu. Contoh ayat seperti berikut:

K3:24 APKK (48): "Kerajaan juga **menjangkakan** kutipan hasil tahun 2025 terus meninggi kepada 340 billion ringgit."

Dalam konteks ayat ini, perkataan [menjangkakan] berfungsi sebagai kata kerja aktif transitif di bahagian predikat yang menerangkan tindakan kerajaan meramalkan bagi objek langsungnya iaitu kutipan hasil pada tahun 2025. Jadi, perubahan golongan kata juga berlaku daripada kata nama kepada kata kerja transitif.

(iv) /meng-...-kan/

Apitan /meng-...-kan/ digunakan apabila kata dasar bermula dengan huruf /g/, /gh/, /kh/, /h/ (bunyi konsonan) dan /a/, /e/, /i/, /o/ dan /u/ (bunyi vokal). Contohnya perkataan [mengusulkan] yang terdiri daripada kata dasar [usul]. Kata [usul] merupakan golongan kata nama yang bermakna cadangan, pendapat atau rancangan yang dikemukakan untuk dibincangkan atau dipertimbangkan. Contoh ayat dilihat seperti berikut:

K2:16 APKK (34): "...mereka **mengusulkan** reformasi sistem ekonomi agar membasmi kemiskinan..."

Dalam konteks ayat ini, perkataan [mengusulkan] berfungsi sebagai predikat utama yang menerangkan tindakan subjek mereka dan objek langsung ialah frasa reformasi sistem ekonomi. Perubahan golongan kata berlaku daripada kata dasar golongan kata nama kepada kata kerja.

(v) /ber-...-an/

Apitan /ber-...-an/ bergabung dengan semua kata dasar dan yang bermula dengan huruf /r/, dua /r/ yang bergabung itu akan berubah menjadi satu /r/ melalui proses peleburan bunyi. Fungsi apitan ini akan menjadi kata kerja yang bersifat tak transitif. Contoh perkataan iaitu [berhampiran] terdiri daripada kata dasar [hampir]. Kata [hampir] merujuk kepada kata adverba yang bermaksud berada dalam jarak yang dekat atau berdekatan. Contoh ayat dilihat seperti berikut:

K2:13 APKK (7): “Namun saya terharu saat disapa oleh seorang ibu dari desa berlari **berhampiran** hadir untuk menghadiahkan sehelai vest yang dibuat sendiri..”

Dalam konteks ayat ini, perkataan [berhampiran] berfungsi sebagai keterangan tempat yang menjelaskan kedudukan lokasi ibu tersebut yang berada dekat dengan lokasi kejadian penutur berada. Hal ini menunjukkan berlaku perubahan golongan kata daripada kata adverba kepada kata kerja tak transitif.

(vi) /di-...-kan/

Fungsi apitan ini pula untuk membentuk kata kerja pasif daripada apitan /me-...-kan/. Contohnya perkataan [dihamparkan] terdiri daripada kata dasar [hampar]. Kata [hampar] merupakan kata kerja yang bermaksud sesuatu yang dibentangkan atau disebar. Contoh ayat dapat dilihat seperti berikut:

K2:17 APKK (57): “Maka ini yang **dihamparkan** hari ini, bukan hanya belanjawan kementerian kewangan atau kerajaan semata tetapi adalah belanjawan rakyat dan negara Malaysia.”

Dalam konteks ayat ini, perkataan [dihamparkan] merujuk kepada tindakan membentangkan belanjawan kepada rakyat. Perkataan tersebut juga berfungsi sebagai predikat relatif yang menerangkan tindakan pasif terhadap “ini” yang merujuk kepada belanjawan yang telah dibentangkan atau disediakan oleh pelaku tertentu iaitu kerajaan. Perubahan golongan kata masih sama yang merupakan golongan kata kerja.

(vii) /me-...-i/

Fungsi apitan /me-...-i/ adalah untuk membentuk kata kerja transitif. Contoh perkataan [menerusi] yang terdiri daripada kata dasar [terus]. Kata [terus] merupakan kata tugas membawa makna berlanjutan tanpa henti, berkesinambungan atau tidak membelok. Contoh ayat dapat dilihat seperti berikut:

K3:21 APKK (26): “Belanjawan Madani justeru itu akan mengimbau perihal **menerusi** ekonomi Madani perihal mengislah lebih tegas perihal menghapus

karenah..”

Dalam konteks ayat ini, perkataan [menerusi] berfungsi sebagai kata kerja keterangan yang menerangkan kaedah atau jalan ekonomi Madani yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu perihal. Perubahan golongan kata berlaku daripada kata tugas kepada kata kerja.

(vii) /di-...-i/

Fungsi apitan ini adalah untuk membentuk kata kerja pasif daripada apitan /me-...-i/ yang bermakna untuk menunjukkan tindakan yang dikenakan kepada objek tertentu. Contoh perkataan [dimungkiri] yang terdiri kata dasar [mungkir]. Kata [mungkir] merupakan kata kerja yang bermaksud menafikan, tidak mengakui atau menolak sesuatu hak atau kebenaran. Contoh ayat dapat dilihat seperti berikut:

K1:10 APKK (2): “Namun tidak **dimungkiri** kenyataan, bahawa banyak pelajaran yang saya perolehi dari kunjungan ke akar umbi.”

Dalam konteks ayat ini, perkataan [dimungkiri] berfungsi sebagai predikat pasif yang menerangkan bahawa kenyataan tersebut tidak dinafikan atau ditolak. Perubahan golongan kata tidak berubah kepada kedua-duanya.

(ix) /memper-...-kan/

Fungsi apitan /memper-...-kan/ adalah untuk membentuk kata kerja transitif yang bermaksud menjadikan sesuatu lebih dalam keadaan tertentu atau menyebabkan sesuatu berada dalam keadaan tertentu yang bermakna dalam menunjukkan tindakan mempertingkat atau memperhebat sesuatu keadaan. Contohnya perkataan [memperkenalkan] terdiri daripada kata dasar [perkenalkan]. Kata [perkenalkan] merupakan kata terbitan /per- + kenal +-kan/ yang bermaksud untuk mengetahui atau menyedari sesuatu perkara atau seseorang melalui pengalaman atau maklumat. Proses morfologi selanjutnya ialah gabungan imbuhan /mem-/ di awal kata /perkenalkan/ membentuk imbuhan kompleks iaitu [memperkenalkan].. Contoh ayat dapat dilihat seperti berikut:

K4:28 APKK (18): “Kerajaan juga bercadang meluaskan asas cukai secara progresif dengan **memperkenalkan** cukai dividen kepada 2% ke atas pendapatan dividen melebihi 100 ribu ringgit...”

Dalam konteks ayat ini, perkataan [memperkenalkan] berfungsi sebagai predikat yang menjelaskan tindakan kerajaan untuk memperkenalkan cukai dividen kepada orang ramai dan diketahui secara rasmi oleh pihak awam. Cukai dividen merupakan objek bagi kata kerja aktif memperkenalkan. Golongan kata tidak berubah bagi kedua-duanya.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa penggunaan imbuhan apitan berfungsi penting dalam menjelaskan konsep-konsep ekonomi dan dasar-dasar kerajaan secara tepat, jelas dan formal. Imbuhan apitan juga berfungsi untuk memperjelaskan hubungan antara kata dasar dengan makna yang hendak disampaikan.

Sebagai contoh, imbuhan apitan /pe-...-an/ digunakan untuk membentuk kata nama abstrak yang berkait rapat dengan aspek ekonomi dan perancangan kewangan negara. Selain itu, imbuhan apitan /mem-...-kan/ dan /me-...-kan/ pula kerap digunakan untuk membentuk kata kerja transitif yang berfungsi untuk menunjukkan tindakan atau proses yang dilakukan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar tertentu. Jelas di sini bahawa, penggunaan imbuhan apitan yang terancang dalam laporan rasmi dapat membantu dalam meningkatkan ketepatan makna yang ingin disampaikan kepada khalayak umum.

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian penelitian terhadap penggunaan imbuhan apitan dalam Laporan Belanjawan 2025 telah menunjukkan kejelasan dalam penyampaian maklumat rasmi. Hal ini didapati bahawa kerajaan dapat menyampaikan dasar, perancangan dan strategi kewangan dengan penggunaan gaya bahasa yang formal, tersusun dan menepati keperluan komunikasi dalam dokumen rasmi negara. Daripada sudut tatabahasa, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap struktur morfologi khususnya dalam laras bahasa rasmi. Penggunaan imbuhan apitan yang sistematik dan konsisten membantu dalam memperkasakan struktur ayat dan menyampaikan makna dengan lebih berkesan terutamanya dalam laporan rasmi yang akan disampaikan setiap tahun oleh kerajaan.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian akan datang. Pertama, pengkaji boleh memperluaskan skop kajian dengan menganalisis laporan belanjawan bagi tahun-tahun lain seperti Belanjawan 2024, 2023 dan seterusnya. Apabila menganalisis lebih daripada satu laporan belanjawan, pengkaji berpeluang untuk membuat perbandingan mengenai pola penggunaan imbuhan apitan serta mengenal pasti sebarang perubahan atau konsistensi dalam penggunaan imbuhan tersebut. Selain itu, kajian akan datang juga boleh menumpukan kepada analisis kata tugas seperti kata hubung, kata sendi nama, dan kata penegas. Fungsi kata tugas penting dalam menghubungkan ayat, menegaskan makna serta menyusun maklumat dengan lebih jelas. Kajian terhadap kata tugas ini akan melengkapkan analisis terhadap imbuhan apitan serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang struktur bahasa dalam laporan belanjawan. Di samping itu, kajian perbandingan antara teks rasmi seperti laporan belanjawan dan teks media seperti laporan berita, artikel analisis, dan ucapan rasmi juga boleh dijalankan. Perbandingan ini akan membantu dalam mengenal pasti perbezaan gaya bahasa antara kedua-dua jenis teks serta impaknya terhadap kefahaman masyarakat umum. Pendekatan ini bukan sahaja akan memperlihatkan fungsi imbuhan apitan dari sudut tatabahasa, malah turut memberikan gambaran tentang ideologi, sikap, dan strategi komunikasi yang digunakan oleh pihak berkuasa dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat. Oleh itu, kajian akan datang perlu memberikan tumpuan kepada aspek-aspek lain dalam laporan belanjawan bagi memperluaskan skop analisis serta mendapatkan data yang lebih komprehensif dan berimpak tinggi.

Penghargaan/Acknowledgements

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang

pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pelajar dan penyelia yang terlibat.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pts Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://lamanweb.dbp.gov.my/> [13 Mei 2025].
- Faridah Nazir. (2022). Perbandingan aspek morfologi dalam hikayat Melayu klasik dan novel Melayu moden. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat*. 23(2): 1-17.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2019). Unsur penanda wacana dalam teks ucapan belanjawan 2019. *Jurnal Bahasa*. 19(1): 42-65.
- Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2020). Pola susunan maklumat teks ucapan belanjawan Malaysia 2019. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(2): 104-118.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parlimen Malaysia.(2024). Langsung: persidangan Dewan Rakyat|mesyuarat ketiga penggalketiga|belanjawan2025.<https://www.youtube.com/watch?v=IRFukQJpKSS> [9 Mei 2025]
- Teks ucapan belanjawan (2025). <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/ucapan> [9 Mei 2025]
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa. *Jurnal Komunikasi*.34(2): 338-353.
- Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2017). Analisis morfologi dalam Syair Perahu. *Journal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 73-81.